

22/07/2001

Melayu boleh maju kalau Melayu mahu

SUDAH banyak minggu kita cakap tentang orang Melayu. Kita kritik orang Melayu pasal mudah lupa. Kita herdik pelajar Melayu pasal tidak tekun kerja dan malas belajar. Kita marah kepada orang Melayu pasal kurang bersyukur dan berterima kasih.

Kita sindir orang Melayu kerana percaya bulat-bulat cogan kata takkan Melayu hilang di dunia.

Ini bukan kerja sia-sia. Ada baiknya kita kritik dan kita nilai semula kedudukan kita. Mana yang baik kita jadikan teladan, mana yang buruk kita jadikan sempadan.

Kawan Kiau, Si Tiong dari menara gading kata setiap kali kita jatuhkan air muka orang Melayu, setiap kali juga `syiar' bangsa Melayu jatuh. Dia kata, Islam sangat pentingkan syiar. Kebesaran dan kemuliaan bangsa Melayu akan hilang kalau hanya keburukan dan kelemahan orang Melayu didedahkan.

Sebenarnya orang Melayu dan bangsa Melayu ada banyak kebesaran dan kemuliaan. Kalau tidak kerana orang Melayu, boleh jadi tidak ada negara Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya.

Tapi kerana orang Melayu mudah lupa, maka mereka lupa kebesaran dan kemuliaan bangsa mereka sendiri. Apabila mereka marah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mereka lupa apa yang dia dah buat untuk mereka dan untuk negara selama 20 tahun.

Kiau tak mahu puji Dr Mahathir. Bukan pasal Kiau takut dituduh mengampu atau, macam kawan Kiau di Utusan Melayu selalu kata, cuci gelas, tapi lebih baik kalau kita dengar apa orang lain kata tentang beliau.

Salah satu kejayaan yang akan jadi peninggalan Dr Mahathir ialah projek Kereta Nasional atau Proton. Apabila Dr Mahathir cadangkan projek ini pada awal tahun 80-an, banyak orang, termasuk ahli Kabinet dia sendiri, kata dia sudah hilang akal.

Tapi hari ini Proton bukan saja kuasai pasaran tempatan, tapi sudah diterima di luar negara, termasuk di negara maju.

Berikut adalah sedutan laporan wartawan Inggeris, Brett Fraser yang disiarkan dalam keluaran bulan Mei majalah Car yang diterbitkan di England. Harga majalah ini di Malaysia ialah RM29.90. Kata Fraser:

"Waja. Apakah anda akan terima nama ini? Pasti bukan Proton UK. Ia tidak mahu nama itu. Jadi ia meminta sesuatu yang berbeza. Sekarang kereta itu dipanggil Impian di UK. Namun (nama itu) lebih berupa mimpi ngeri daripada fantasi bagi pasukan pemasaran Proton UK.

"Sebaliknya, kereta itu sendiri akan membawa kegembiraan kepada pengedar Proton di UK kerana ia cukup segak dan mempunyai banyak keistimewaan, termasuk penggunaan teknologi Lotus (jangan lupa yang sebahagiannya kini dimiliki Proton).

"Impian adalah model Proton pertama yang direka bentuk sendiri oleh Proton dan yang demikian tidak bergantung kepada kerangka dan bentuk badan rekaan orang lain. Ini cukup membanggakan kerana Proton masih dalam usia remaja.

"Berita baik mengenai model ini ialah walaupun sekarang enjin Mitsubishi 1.6 literunya kurang bertenaga, ia akan dilengkapi dengan enjin 1.8 liter buatan Renault pada penghujung tahun ini dan pada tahun 2003 Impian akan dipasang enjin terbaru 1.6 liter GDI (gas direct injection) yang dimajukan bersama oleh Proton dan Lotus.

"Chasis Impian layak mendapat pingat emas. Mutu tunggangan cukup baik seperti terbukti daripada pemanduan di atas jalan kasar. Hatta pada had

kelajuan maksimum, kawalan pemanduannya luar biasa. Misalnya di mana Golf (Volkswagen) akan terumbang ambing, suspensi Impian menyerap dan meresapkan kejutan dengan baik sehingga tidak mengganggu penumpang.

"Pengemudiannya juga perlu dipuji. Malah boleh dibanding dengan Ford Focus (atau setaraf dengannya). Proton membandingkan Impian dengan Audi A4, Peugeot 406, Vauxhall (Opel) Vectra dan Honda Accord. Ia bukan ancaman kepada model-model ini tetapi mampu mencuri jualan daripada beberapa jenis kereta Jepun.

"Pada masa lampau mudah bagi kita menyisihkan Proton dan penanggapnya sebagai pengeluar yang menghidupkan semula model-model lama milik orang lain. Tetapi sekarang ia telah membuat langkah pertama dengan melakukan sendiri segala-galanya, kita perlu menunjukkan minat baru kepadanya. Tentu kita masih ingat bagaimana satu masa dulu kita mentertawakan Skoda."

Kiau bangga dengan sanjungan yang begitu tinggi kepada Waja/Impian yang direka bentuk dan dibina oleh anak bangsa sendiri yang sebahagian besarnya adalah jurutera, juruteknik, pereka dan pengurus Melayu.

Melayu boleh kalau Melayu mahu. Umat Islam boleh kalau mereka tahu mengimbangkan dunia dan akhirat, antara fardu ain dan fardu kifayah. Kalau mereka tidak tutup mata dan hati kerana politik keagamaan yang sempit.

(END)